

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

2. Apakah langkah-langkah penguatkuasaan pembersihan di kawasan-kawasan perumahan yang diselenggarakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Bahagian Perumahan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri telah melaksanakan kaedah *outsourcing* iaitu melantik kontraktor yang berkelayakan bagi terus memastikan kebersihan di perumahan-perumahan awam di Negeri Pulau Pinang.

Antara permasalahan utama yang sering dihadapi di kesemua rancangan-rancangan perumahan awam ialah masalah sikap serta tahap kesedaran para penghuni yang begitu rendah. Ini dapat dilihat di mana masih ramai penghuni yang melontar sampah dari tingkat atas bangunan, meletakkan sampah di tangga-tangga, di koridor serta lif. Sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri terus melaksanakan kempen-kempen kebersihan dan kesedaran melalui poster dan juga melalui aktiviti gotong-royong.

Mungkin telah tiba masanya Kerajaan Negeri melaksanakan penguatkuasaan terhadap penghuni yang ingkar ataupun sengaja melanggar peraturan demi kesejahteraan penduduk dan masa depan Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih dan selamat.